



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-3

**DASAR PENAJAAN DAN
SUMBANGAN KORPORAT**

No.Semakan: 0

Muka surat : 1/9

**DASAR PENAJAAN DAN
SUMBANGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN
ISLAM MALAYSIA**



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-3

DASAR PENAJAAN DAN SUMBANGAN KORPORAT

No.Semakan: 0

Muka surat : 2/9

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 IKIM komited bagi memastikan kelangsungan orientasi dan hubungan perniagaan yang dijalin tanpa menjejaskan sistem penyampaian perkhidmatan IKIM.
- 1.2 Dalam melaksanakan perkara tersebut, bahagian-bahagian dan unit-unit yang melaksanakan fungsi penajaan hendaklah berhati-hati dalam memenuhi keperluan tersebut bagi mengelak wujudnya elemen pengaruh tidak wajar ke atas IKIM atau penyumbang/pemohon.
- 1.3 Dasar ini adalah untuk memastikan tajaan yang diberi kepada atau diterima daripada rakan niaga, pembekal atau mana-mana pihak tidak bercanggah dengan nilai, undang-undang dan dasar yang berkuatkuasa.

2. TUJUAN

- 2.1 Sebagai rujukan dan makluman mengenai Dasar Pemberian Tajaan dan Penajaan kepada pihak berkepentingan di IKIM, termasuklah pegawai, rakan niaga, pembekal dan pihak-pihak yang berurusan dengan IKIM.
- 2.2 Menghalang pengaruh tidak wajar kepada pegawai bertanggungjawab dalam membuat keputusan, perkhidmatan atau kontrak.
- 2.3 Melarang aktiviti/program diadakan dengan niat untuk memperoleh peluang perniagaan (*future benefits*) pada masa hadapan.

3. SKOP

- 3.1 Dasar ini merangkumi permintaan atau pemberian sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sama ada dalam bentuk wang, perkhidmatan atau barangan dengan pihak luar untuk aktiviti atau program berikut:
 - 3.1.1. Penyelidikan, perundingan, pendidikan;
 - 3.1.2. Pembangunan modal insan;
 - 3.1.3. Penerbitan;
 - 3.1.4. Media;
 - 3.1.5. Kesihatan;
 - 3.1.6. Kebajikan;
 - 3.1.7. Kesukanan, kesenian dan kebudayaan; dan
 - 3.1.8. Program serta aktiviti lain.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-3

**DASAR PENAJAAN DAN
SUMBANGAN KORPORAT**

No.Semakan: 0

Muka surat : 3/9

- 3.2 Selaras dengan Peraturan-Peraturan IKIM (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan perkara (1) Latar Belakang seperti di atas, dasar ini terpakai kepada pegawai, rakan niaga, pembekal dan pihak-pihak yang berurusan dengan IKIM.

4. DEFINISI

- 4.1 **Tajaan** secara umum bermaksud sebarang aktiviti berbentuk pembiayaan (*money*) atau pemberian barangan/perkhidmatan (*in-kind*) secara timbal balik daripada/kepada pihak berkepentingan untuk menjayakan program pada peringkat korporat seperti karnival, majlis rasmi, seminar, konvensyen, muzakarah, lawatan sambil belajar dan sebagainya. Tajaan korporat dalam konteks ini adalah berbeza dengan tajaan *airtime* yang berkaitan dengan pakej pengiklanan dan program media IKIM.
- 4.2 **Sumbangan** secara umum bermaksud bantuan sokongan yang diberikan tanpa syarat dan secara sukarela, sama ada dalam bentuk wang tunai atau pemberian barangan/perkhidmatan.
- 4.3 **Pihak berkepentingan** ertinya keluarga dan saudara-mara pegawai, rakan niaga, pembekal, rakan strategik, pihak berkepentingan dan pihak atau organisasi yang mempunyai urusan rasmi dengan IKIM.

5. PEMBERIAN SUMBANGAN/TAJAAN OLEH IKIM

Berdasarkan Permohonan

Permohonan daripada Kementerian, Jabatan, Agensi, Pertubuhan, Persatuan, Kelab, dan Organisasi perlu mengemukakan dokumen di bawah mengikut kategori seperti berikut:

5.1 Permohonan RM10,000.00 dan ke bawah
<u>Sebelum Program</u>
5.1.1. Sijil pendaftaran syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), atau sijil lesen perniagaan yang diiktiraf oleh badan berautoriti seperti ROS dan JPM; atau/dan
5.1.2. Surat Permohonan atau kertas cadangan.
5.1.3. Permohonan daripada individu/orang perseorangan tidak dibenarkan.
<u>Selepas Program</u>
5.1.4. Menghantar laporan bergambar, resit atau invois dan dokumen berkaitan.
5.1.5. Bahagian Pengurusan Kewangan dan Pelaburan (BKEP) akan mengemaskini laporan bajet dan kewangan, dan diikuti naziran berkala daripada Unit Audit Dalam (UAD).



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-3

**DASAR PENAJAAN DAN
SUMBANGAN KORPORAT**

No.Semakan: 0

Muka surat : 4/9

5.2 Permohonan atas RM10,000.00
<u>Sebelum Program</u>
5.2.1. Sijil pendaftaran syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau sijil lesen perniagaan yang diiktiraf oleh badan berautoriti seperti ROS dan JPM; atau/dan
5.2.2. Surat Permohonan atau proposal.
5.2.3. Permohonan daripada individu / perseorangan tidak dibenarkan.
<u>Semasa Program (sekiranya perlu)</u>
5.2.4. Jawatankuasa Khas/Pegawai bertanggungjawab akan melawat dan membuat laporan lapangan semasa program.
<u>Selepas Program</u>
5.2.5. Menghantar laporan bergambar, resit atau invois dan dokumen berkaitan.
5.2.6. Bahagian Pengurusan Kewangan dan Pelaburan (BKEP) akan mengemaskini laporan bajet dan kewangan, dan diikuti naziran berkala daripada Unit Audit Dalam (UAD).

5.3 Tajaan/sumbangan yang dibenarkan adalah untuk penganjuran program yang selari dengan hala tuju strategik IKIM seperti penyelidikan, inovasi dan pendidikan, penyiaran dan tadbir urus korporat.

Tawaran Memberi Tajaan dan Sumbangan

5.4 Setiap permohonan untuk menawarkan tajaan dan sumbangan, khususnya kepada syarikat swasta, perlu melalui semakan pematuhan (*compliance check*) oleh Unit Integriti dan Pematuhan (UNIP). Ini bertujuan mengelakkan risiko-risiko yang boleh menjurus ke arah meletakkan IKIM dalam kedudukan yang sukar pada masa kini atau akan datang.

5.5 IKIM tidak akan mempertimbangkan permintaan atau pemberian sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan:

- 5.5.1. Parti politik atau apa-apa pertubuhan yang berkaitan secara langsung dengan politik kepartian;
- 5.5.2. Pertubuhan atau organisasi yang menyokong aktiviti atau berunsur jenayah dan keganasan;
- 5.5.3. Pertubuhan atau organisasi yang muflis atau disenarai hitam oleh mana-mana Institusi Kewangan atau Bukan Kewangan, yang sah;
- 5.5.4. Pertubuhan atau organisasi seperti berkaitan perjudian, alkohol, tembakau atau *vape* dan seumpamanya;
- 5.5.5. Permohonan daripada individu, syarikat, pertubuhan atau organisasi berlandaskan penipuan dan penyelewengan; dan
- 5.5.6. Permohonan yang tidak relevan dari semasa ke semasa.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-3

DASAR PENAJAAN DAN SUMBANGAN KORPORAT

No.Semakan: 0

Muka surat : 5/9

6. PENERIMAAN SUMBANGAN/TAJAJAN DARIPADA PIHAK LUAR (SELAIN DARIPADA PENAJAAN PAKEJ PENGIKLANAN DAN PROGRAM MEDIA IKIM)

Tawaran Menerima Tajaan dan Sumbangan

- 6.1 IKIM dibenarkan menerima sumbangan atau tajaan daripada pihak swasta atau mana-mana pihak lain dengan syarat bagi program berbentuk kolaborasi untuk tujuan sistem penyampaian dan perkhidmatan IKIM. Walau bagaimanapun, penerimaan tajaan/sumbangan itu mestilah memperolehi kebenaran daripada pihak berkuasa melulus (*level of authority – LOA*) serta keperluan operasi standard dan tatacara kewangan IKIM.
- 6.2 Setiap permohonan untuk menerima tajaan kepada pegawai pelulus hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:
 - 6.2.1. Nama penaja/penyumbang dan alamat;
 - 6.2.2. Tujuan sumbangan/tajaan itu dibuat, contohnya seperti sumbangan secara *one-off* dan tajaan bagi tujuan paparan logo dan nama penaja;
 - 6.2.3. Sejauh mana kaitan penaja/penyumbang dengan pegawai, jika ada;
 - 6.2.4. Jenis/bentuk tajaan/sumbangan;
 - 6.2.5. Nilai tajaan/sumbangan;
 - 6.2.6. Syarat-syarat yang dikenakan oleh pemberi, jika ada;
 - 6.2.7. Kegunaan/faedah sumbangan/tajaan kepada Pegawai/Pusat/Bahagian/Unit atau sebagainya;
 - 6.2.8. Ulasan Pengarah Pusat/Bahagian/Ketua Unit; dan
 - 6.2.9. Maklumat-maklumat lain yang berkaitan.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-3

**DASAR PENAJAAN DAN
SUMBANGAN KORPORAT**

No.Semakan: 0

Muka surat : 6/9

- 6.3 Sumbangan/Penajaan daripada pihak swasta atau mana-mana pihak lain atas faktor tanggungjawab korporat adalah dibenarkan, tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang berikut:

NO.	SUMBANGAN	TAJAAN
1.	Sumbangan yang diterima hendaklah diberikan oleh penyumbang tanpa unsur-unsur paksaan, syarat dan ikatan. Penyumbang pula tidak mempunyai apa-apa kepentingan yang boleh menjejaskan imej IKIM.	Tajaan digunakan bagi tujuan menjayakan penganjuran majlis korporat secara bersama.
2.	Sumbangan/tajaan yang diberikan itu juga hendaklah digunakan mengikut apa yang dihasratkan oleh penyumbang/penaja.	
3.	Sumbangan/tajaan yang diterima juga hendaklah diambil kira dari segi jumlah dan kekerapan sumbangan/tajaan diterima.	
4.	Semua tajaan dan sumbangan/derma yang dilaksanakan hendaklah bertujuan untuk mempromosi dan mempamerkan penjenamaan, reputasi dan tadbir urus IKIM yang baik.	

Berdasarkan Permintaan

- 6.4 Sekiranya tajaan/sumbangan diberikan atas permintaan IKIM, Pegawai yang ingin memohon kebenaran pegawai pelulus bagi mendapatkan tajaan/sumbangan, terlebih dahulu perlu memastikan bahawa:
- 6.4.1. Syarikat/pihak yang dicadangkan hendaklah dikenalpasti akan/berpotensi untuk memberi tajaan/sumbangan;
 - 6.4.2. Setiap penajaan/sumbangan akan direkodkan dalam laporan akaun IKIM dan laporan program tersebut; dan
 - 6.4.3. Setiap Surat Permohonan perlu diiringi dan dibaca bersama "Akuan Tiada Kepentingan dalam urusan Penajaan/Sumbangan" sebagai mekanisme usaha wajar melalui **Borang IKIM/F700-3 Akuan Tiada Kepentingan dalam Urusan Penajaan/Sumbangan** bagi tujuan semakan pematuhan.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-3

**DASAR PENAJAAN DAN
SUMBANGAN KORPORAT**

No.Semakan: 0

Muka surat : 7/9

7. PENERIMAAN SUMBANGAN OLEH KELAB KEBAJIKAN IKIM

- 7.1 Kelab Kebajikan IKIM adalah tidak dibenarkan menghubungi terus atau secara langsung dengan syarikat-syarikat swasta atau orang awam untuk mendapatkan bantuan kewangan melalui apa-apa cara sekalipun bagi membiayai aktiviti-aktiviti Kelab.
- 7.2 Walau bagaimanapun, apa-apa sumbangan yang hendak diberikan kepada Kelab oleh syarikat-syarikat swasta dan orang awam hendaklah mendapat kebenaran Ketua Pengarah.
- 7.3 Perlulah ditegaskan bahawa, apa-apa sumbangan yang diperolehi hendaklah dipastikan tiada unsur-unsur paksaan, tidak menimbulkan syak, keraguan dan beban kepada mana-mana pihak agar apa-apa sumbangan tidak mencemarkan nama baik IKIM keseluruhannya.
- 7.4 Sumbangan yang diterima juga hendaklah diambil kira dari segi jumlah dan kekerapan sumbangan tersebut diterima.
- 7.5 Sumbangan yang diterima hendaklah digunakan untuk tujuan aktiviti-aktiviti Kelab berkenaan, dan hendaklah mempunyai penyata kira-kira yang boleh dirujuk.

8. PUNGUTAN DERMA OLEH KESATUAN/PERTUBUHAN

- 8.1 Kutipan derma oleh kesatuan/pertubuhan berdaftar yang melibatkan atau dikendalikan oleh pegawai IKIM adalah tertakluk kepada Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947 (Akta 200), Surat Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 1987, dan mana-mana akta/undang-undang peraturan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.
- 8.2 Kesatuan/pertubuhan tidak berdaftar yang melibatkan atau dikendalikan oleh pegawai IKIM adalah dilarang daripada mengutip derma.

9. PEMATUHAN

- 9.1 Dasar ini adalah terpakai untuk semua pegawai dan warga kerja IKIM serta pihak-pihak yang berurusan dengan IKIM.
- 9.2 Dasar ini boleh dijadikan panduan asas kepada pemilik proses untuk bangunkan garis panduan bagi penajaan dan sumbangan korporat berdasarkan skop kerja masing-masing.
- 9.3 Pelanggaran yang membawa kepada salah guna kuasa dan pecah amanah akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau mana-mana pihak berkuasa tempatan.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-3

**DASAR PENAJAAN DAN
SUMBANGAN KORPORAT**

No.Semakan: 0

Muka surat : 8/9

- 9.4 Sebarang pertanyaan dan aduan boleh disalurkan kepada Unit Integriti dan Pematuhan melalui e-mel integriti@ikim.gov.my, atau talian telefon di 03-6204 6348/6349, atau bersemuka di Pejabat Unit Integriti dan Pematuhan, Blok A (bahagian bawah), IKIM.